

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)47**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA  
YB TAN HOOI PENG**

47. Pelan Bandar Mesra Warga Emas (Age-friendly City).

- (a) Apakah status terkini pelaksanaan Pelan Age-Friendly City di Negeri Pulau Pinang? Mohon Kerajaan Negeri nyatakan perkembangan pelan tersebut sejak ia mula diperkenalkan, termasuk garis masa pelaksanaan, program-program sokongan serta pencapaian semasa yang telah direkodkan hingga tahun 2025.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

47. (a) Pelaksanaan Pelan Bandar Mesra Warga Emas di negeri Pulau Pinang kini telah memasuki fasa pemantauan dan penilaian terhadap lapan domain utama yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*). Laporan akhir pelaksanaan ini dijadualkan untuk diserahkan kepada (*WHO*) pada bulan Julai 2025 sebagai komitmen negeri dalam membentuk persekitaran yang inklusif kepada semua golongan usia.

Inisiatif ini diterajui oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan sokongan strategik daripada Perbadanan

Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan (*Malaysian Healthy Ageing Society*) (MHAS).

Pelan ini mula diperkenalkan pada awal tahun 2023 sebagai langkah proaktif untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri mesra usia, selaras dengan realiti demografik negeri yang menuju ke arah status negeri menua. Dua sesi libat urus bersama pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan dan 20 NGO telah diadakan pada Januari 2023. Hasil daripada sesi ini menjadi asas penyediaan permohonan rasmi ke (*WHO*), yang kemudiannya dihantar pada April 2023.

Pada 28 Julai 2023, Pulau Pinang secara rasmi telah diterima sebagai sebahagian daripada Rangkaian Global Bandar Mesra Usia (*WHO*). Susulan daripada itu, satu kajian asas melibatkan lebih 1,500 responden telah dijalankan dari Mac hingga Jun 2023 di bahagian pulau. Dapatan kajian ini telah dibentangkan dalam bengkel dua hari pada Disember 2023 yang menghimpunkan lebih 100 wakil komuniti dan agensi untuk merangka Pelan Tindakan Strategik. Pelan ini kemudiannya dilancarkan secara rasmi pada September 2024.

Menjelang Disember 2024, negeri Pulau Pinang memulakan fasa pemantauan dan penilaian terhadap pelan dan program yang sedang dijalankan, berdasarkan indikator (*WHO*). Penilaian ini akan dimuktamadkan dalam laporan kemajuan yang akan dikemukakan kepada (*WHO*) pada Julai 2025.

Dalam tempoh ini juga, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan. Antaranya termasuk projek pertanian bandar di Lebuh raya Rose, di mana warga emas dilibatkan secara aktif dalam pengurusan kebun sebagai satu bentuk terapi dan pembelajaran. Pelbagai program tahunan juga dianjurkan untuk memperkukuh penyertaan warga emas dalam masyarakat seperti City Walk, City Ride Island Loop, Penang Goes Orange, dan Ultimate Trails of Penang.

Inisiatif turut melibatkan pendidikan inklusif dan kesedaran awam seperti kelas asas Kod Braille, kelas bahasa isyarat, serta program seperti (*Let's Walk with Thalassemia*). Program riadah dan sukan seperti (*Battle of Bukit Cendana Ultra Challenge*) (BOBCUC), kejohanan kereta kawalan jauh (RC), dan pertandingan (*Skimboarding*) Antarabangsa turut menjadi

sebahagian daripada pengisian yang membuka ruang kepada semua lapisan masyarakat.

Sebagai pengiktirafan terhadap usaha ini, MBPP telah menerima Anugerah Prihatin Warga Emas yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Selain itu, Karnival Komuniti Bandar Mesra Usia akan dianjurkan pada 21 Jun 2025 oleh MBPP dengan kerjasama PWDC untuk terus memperkukuh penglibatan komuniti.

Dalam perkembangan yang selari, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga telah memulakan langkah untuk menyertai rangkaian Bandar Mesra Usia (*WHO*) bagi kawasan Seberang Perai. Langkah ini akan memperluas usaha dan kerjasama strategik bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama di Malaysia yang diiktiraf sepenuhnya sebagai negeri mesra usia.